



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• LEBIH 3,000 MERIAHKAN SIRI AKHIR HARI TANPA KENDERAAN MBSJ 2024

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	KOSMO	DBKL	• JOHARI JUMPA DBKL BINCANG ISU PARKIR KOMPLEKS PASAR RAJA BOT
2.	HARIAN METRO	DBKL	• SEGERAKAN PEMBINAAN PARKIR

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• GEOTECHNICAL STUDY FOR KL WELCOMED • SWCORP: RUBBISH LEFT IN CHINATOWN'S BACK LANES CLEARED • ENDING WORKPLACE BULLYING • BUDGET 2025 TO EMPOWER WOMEN AND BRIDGE GENDER GAP
2.	SINAR HARIAN	• PERTIMBANG SEMULA KEPUTUSAN PENYASARAN SUBSIDI RON95 • HARGA BARANG DIRAMAL NAIK TAHUN HADAPAN
3.	KOSMO	• BANJIR DI LIMA NEGERI MELIBATKAN 1,430 ORANG MANGSA • PENYASARAN SUBSIDI RON95 TIDAK HANYA BERPANDU PENDAPATAN ISI RUMAH BUKAN GUNA KAEDAH PUKUL RATA • MALAYSIA KE-33 DUNIA PALING INOVATIF • GAJI RM1,700 TANGANI KOS SARA HIDUP
4.	HARIAN METRO	• SASAR SUBSIDI KEPADA KUMPULAN SEWAJARNYA • MANGSA BANJIR DI TIGA NEGERI MENINGKAT 1,480 ORANG TERJEJAS • PENYASARAN SUBSIDI RON95 PERHALUSI MEKANISME LAKSANA KAEDAH HARGA DUA PERINGKAT
5.	BERITA HARIAN	• INISIATIF KERAJAAN ANGKAT MARTABAT WANITA, RAPAT JURANG GENDER • PERINCIAN SUBSIDI, INSENTIF DITAWAR BELANJAWAN PERLU TELUS, ADIL DAN SAKSAMA
6.	UTUSAN MALAYSIA	• TIADA PARKIR KERETA SIAPA MAHU DATANG PASAR RAJA BOT? • PENYASARAN SUBSIDI RON95 BUKAN IKUT PENDAPATAN ISI RUMAH • SUKAR RAMAL KEJADIAN BANJIR DI KL • TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM REALISASIKAN BELANJAWAN 2025 • JADIKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI IDENTITI WARGANEGARA MALAYSIA • INOVASI, AI BERI PERUBAHAN DALAM INSUDTRI PEMBINAAN
7.	NEW STRAITS TIMES	• 2025 BUDGET
8.	THE SUN	• FLOOD EVACUEES DROP OVERALL ACROSS 5 STATES • BUDGET 2025 HIGHLIGHTS AT A GLANCE • BUDGET 2025 CATERED FOR THE PEOPLE



BERITA UTAMA PBT SELANGOR

Lebih 3,000 meriahkan siri akhir Hari Tanpa Kenderaan MBSJ 2024

by Sheeda Fathil | October 20, 2024 3:21 pm



Hari Tanpa Kenderaan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) yang diadakan di Pasaraya Giant Bandar Kinrara pada 20 Oktober 2024. Foto Facebook Polis Daerah Serdang

PUCHONG, 20 OKT: Lebih 3,000 orang memeriahkan Hari Tanpa Kenderaan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) yang diadakan di Pasaraya Giant Bandar Kinrara, di sini hari ini.

Datuk Bandarnya Dato' Amirul Azizan Abd Rahim berkata program siri terakhir tahun ini juga diadakan sempena ulang tahun keempat Subang Jaya dinaik taraf status sebagai bandar raya.

"Program ini semakin mendapat sambutan sejak ia dianjurkan pada Ogos 2022 yang dahulunya dikenali Selamat Pagi Subang Jaya kemudian dijenamakan kepada Hari Tanpa Kenderaan.

"Penganjuran program ini juga sebahagian usaha dan inisiatif mempromosi gaya hidup sihat sekali gus mengurangkan pengeluaran karbon atau gas hijau," katanya ketika berucap merasmikan majlis.

Lebih 15 aktiviti menarik disediakan kepada pengunjung antaranya larian santai 5 kilometer (km), kayuhan santai 24km, pertandingan mewarna, eksplorasi kenali dan musnahkan denggi dan senamrobik.

Turut diadakan pameran cegah jenayah, cegah denggi, kitar semula, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pemeriksaan kesihatan dari Mahsa Specialist Hospital.

Menariknya, pengunjung juga berpeluang menggunakan Perkhidmatan Trek Riders van transit atas permintaan (DRT) secara percuma untuk pergi ke satu-satu lokasi berhampiran.

Program bermula 7 hingga 11 pagi itu turut menawarkan cabutan bertuah barangan elektrik bernilai sehingga RM6,000 kepada pengunjung.

SELANGORKINI ONLINE
TARIKH : 21 OKTOBER 2024

Geotechnical study for KL welcomed

Experts laud RM10mil allocation to analyse soil structure in Golden Triangle

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

GEOLOGY experts and engineers commended the RM10mil allocation under Budget 2025 for a geotechnical study of soil structures on the main roads in Kuala Lumpur's Golden Triangle.

Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Department of Civil Engineering specialist Wong Chee Fui said the allocation for the study was timely.

He said the assessment of sub-surface condition, including soil composition, groundwater and ground settlement were important in monitoring for early detection of sinkholes.

"Sinkholes are a depression or cavity in the ground caused by an erosion of the underlying ground layer.

"It can happen due to both natural and human-induced factors.

"Kuala Lumpur's geological formation of natural limestones and its history as a mining ground make it susceptible to the risk of sinkholes," said Wong.

However, the existence of groundwater might also trigger the potential occurrence of sinkholes, he said.

"Leakage from water or sewerage pipes and poor groundwater management can destabilise underground soil and increase the risk of erosion and sinkhole occurrence."

Wong added that the geotechnical studies should include a study of existing geology of Kuala Lumpur's Golden Triangle, findings of the soil investigation, design criteria and implementation of design with regards to geotechnical aspects.



The RM10mil allocation under Budget 2025 for a geotechnical study of soil structures in Kuala Lumpur's Golden Triangle follows a recent spate of land subsidence and landslides, including the tragic case of a woman who fell into a sinkhole in Jalan Masjid India in August. — Filepic

"Proactive measures in urban planning, including regular monitoring, maintenance and adoption of new technology to detect potential sinkholes, are crucial for maintaining the integrity of the city's infrastructure and safeguarding the community," he said.

During the Budget 2025 speech, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced the RM10mil funding following the spate of land subsidence and landslides, including the tragic case of a 48-year-old woman who fell into a sinkhole in Jalan Masjid India, Kuala

Lumpur, on Aug 23.

To prevent such incidents in the future, Anwar outlined plans for several projects, including a geotechnical study.

Geological Society of Malaysia president Assoc Prof Dr Mohd Hariri Arifin, who is also Universiti Kebangsaan Malaysia's Faculty of Science and Technology deputy dean (industry and community partnerships), said the study would be a good initiative to reduce people's negative perception of the sub-surface condition of the capital city.

Institution of Engineers

Malaysia (IEM) president Prof Dr Jeffrey Chiang Choong Luin said it would assist government agencies and Kuala Lumpur City Hall by recommending its experts on the subject matter.

Assoc Prof Dr Mohd Fakhrurrazi Ishak from Universiti Malaysia Pahang's Faculty of Civil Engineering Technology told *StarMetro* it was good that the government had recognised the vulnerability of geological structures and hazards that have occurred.

"The allocation should be fully utilised by researchers from local universities and agencies to

combine their knowledge and expertise.

"This collaboration will help address and predict potential risks, leading to the development of effective strategic mitigation plans," said the academican.

Technological Association Malaysia president Tung Chee Kuan recommended the use of the latest technology, including ground detection technology and advanced slope protection methods to be adopted.

"As an organisation for technologists and technicians, we are willing to offer our expertise where necessary," said Tung.

THE STAR

Tarikh: 21 OCT 2024

SWCorp: Rubbish left in Chinatown's back lanes cleared

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

THE rubbish left piled up in the back lanes of Jalan Sultan in Kuala Lumpur's Chinatown has been cleared, says Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation (SWCorp).

In a statement, SWCorp said an inspection was carried out at the site on Oct 18 and it found that the accumulation of waste there was under control.

"Alam Flora Sdn Bhd had placed six 660L rubbish bins at the location for rubbish collection.

"The issue also stems from the irresponsible behaviour of certain business operators and the public, who frequently take the easy way out by simply disposing rubbish without considering the impact on the environment.

"This negative attitude is what causes the surrounding area to appear unmanaged and dirty, with waste scattered everywhere," it added.

SWCorp said this in response to *StarMetro*'s report on Oct 18 titled "Overflowing rubbish bins turning customers away in Chinatown."

SWCorp said all the rubbish had been cleared while the centralised bins that catered to both commercial entities and the public would be moved to Lorong Sultan.

As a preventive measure, SWCorp said it had instructed Alam Flora to have a scheduled rubbish collection for the area and its surroundings to ensure the site remained clean.

The rubbish collection would be scheduled twice daily except for Sundays, while street cleaning would be done three times daily, it said.

"SWCorp is also having dialogues with Petaling Street Traders Association to prevent this issue from recurring.

"We advise the public and traders not to dispose of rubbish in unauthorised areas as it is an offence under the Solid Waste Management and Public Cleansing Act 2007 (Act 672)."

SWCorp also warned that those convicted may be fined not less than RM10,000 and not more than RM100,000, or jailed for a term of not less than six months and not more than five years, or both.

Kuala Lumpur advisory board



The rubbish that was left piled up around the centralised bins in the back lane of Jalan Sultan has been cleared by Alam Flora.

member Carmen Leong said following discussions with Kuala Lumpur City Hall, individual bins would be given to some of the businesses along Jalan Sultan, where rubbish trucks could access the back lane.

"For businesses where rubbish trucks cannot access the back lanes, they will have to use the centralised bins.

"Shopowners and traders are urged to dispose of rubbish properly by throwing it inside the bins," she said.

'Overflowing rubbish bins turning customers away in Chinatown'

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

CENTRALISED rubbish bins in Kuala Lumpur's Chinatown have been overflowing for some time, turning away customers and causing a nuisance to the area.

The Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation (SWCorp) said it had received complaints from businesses along Jalan Sultan that the overflowing bins were blocking the back lane and causing a bad smell.

"We have been aware of the problem for some time and have been working to resolve it," SWCorp said.

It said it had instructed Alam Flora to clear the bins and had placed six 660L rubbish bins at the location for rubbish collection.

SWCorp also warned that those convicted may be fined not less than RM10,000 and not more than RM100,000, or jailed for a term of not less than six months and not more than five years, or both.

Kuala Lumpur advisory board

StarMetro report on Oct 18.

THE STAR

Tarikh: 21 OCT 2024

Ending workplace bullying

WORKPLACE bullying remains a significant issue that undermines not only the well-being of individuals but also the overall productivity of organisations. It is a form of abuse that manifests through intimidation, exclusion, and harmful behaviours, creating a toxic environment that hinders progress and stifles talent. No one should have to face such hostility in their place of work.

I would like to suggest ways in which we can tackle the issue.

> Clear anti-bullying policies:

Every organisation should have a well-documented, zero-tolerance policy towards bullying. This policy must clearly define what constitutes bullying, provide examples of unacceptable behaviour, and outline the steps to report incidents. These policies should be communicated regularly and understood by all employees to ensure no ambiguity.

> **Culture of respect and inclusivity:** Fostering a workplace culture that emphasises respect, dignity, and inclusivity is crucial to preventing bullying. Leaders must actively encourage open communication, collaboration, and mutual respect, making it clear that any form of bullying will not be tolerated. Creating teams that embrace diversity helps break down prejudices that often lead to bullying.

> **Confidential reporting mechanisms:** Employees need to feel safe when reporting bullying



Filepic/The Star

incidents. Establishing confidential reporting systems that allow workers to voice concerns without fear of retaliation is vital. An independent HR or third-party system could handle cases with impartiality and fairness, ensuring all complaints are taken seriously and investigated promptly.

> Regular training and awareness programmes:

Awareness programmes can help employees recognise the signs of bullying, whether they are victims or witnesses. Additionally, training managers to respond effectively to complaints and to intervene early when they spot potential issues can reduce the chances of bullying escalating.

> **Support for victims:** Victims of bullying need access to adequate support. This could include counselling services, peer support groups, and professional guidance to help them regain their confidence and feel secure in the workplace.

> **Accountability:** To prevent a culture of impunity, it is essential that those who engage in bullying behaviour are held accountable. Organisations should ensure there are clear, consistent consequences for bullying, including disciplinary action, and it should be applied fairly, regardless of the individual's position within the company.

> **Leadership that champions**

change: Organisations must prioritise developing leadership that not only rejects bullying but actively works to create a positive, respectful environment. Managers should be role models in fostering cooperation and ensuring that bullying has no place in their teams.

> Monitoring and feedback:

Companies should regularly assess their workplaces to identify any emerging issues related to bullying. This can be done through anonymous surveys, feedback channels, and periodic evaluations of company culture. Proactively addressing feedback will help maintain a safe and supportive work environment.

To ensure lasting change, the fight against bullying must be integrated into the very fabric of an organisation's culture and operations.

This can be achieved by embedding anti-bullying initiatives into corporate values so that respect and inclusivity become core components of the workplace; and by ongoing dialogue between management and employees to create a sense of collective responsibility in maintaining a positive and respectful environment.

Let us work together to end workplace bullying once and for all.

TAN SRI LEE LAM THYE
Kuala Lumpur

THE STAR

Tarikh: 21 OCT 2024

'Budget 2025 to empower women and bridge gender gap'

KUALA LUMPUR: Several Budget 2025 initiatives would empower women and give clear indicators on their contributions to the country, say academics.

Prof Dr Haslinda Abdullah, director of the Institute for Social Science Studies at Universiti Putra Malaysia (UPM), said the government's aim of increasing women's involvement in the board of the top 100 companies listed on Bursa Malaysia could indirectly bridge the gender gap.

She said measures to encourage women to return to the workforce with various incentives under the Women, Family and Community Development Ministry could be achieved by ensuring comprehensive training opportunities for them.

"In the context of work-life balance for career women, more flexibility must be given to those who are breadwinners and the sandwich generation, especially in this era where working from home is practical for some careers.

"For those who have to work from the office, childcare services must be improved, with a comfortable space for breastfeeding too.

"An improved quality of life for women will impact their emotional and mental well-being, which in turn will have a positive impact on families and society," she told Bernama yesterday.

(The sandwich generation refers to those who have to take care of both their elderly parents and their young children.)

Budget 2025 would also see the Women's Leadership Apprenticeship Programme being intensified under the ministry to produce more female corporate figures.

The government also proposed to provide additional income tax exemption of 50% for 12 months to employers who hire women who are returning to work.

Dr Nadisah Zakaria, senior lecturer at the School of Business at Prince Sultan University in Riyadh, described the RM650mil allocation to support women and youth in entrepreneurship as a step towards fostering inclusivity and diversity in the business landscape.

She said the initiative reflected a growing recognition of the critical role played by women in economic and entrepreneurship development.

"The provision of financial support through institutions like the SME Bank, Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat and Majlis Amanah Rakyat not only facilitates access to capital but also empowers women entrepreneurs to expand their businesses and be innovative in their respective fields.

"This effort is in line with the wider objective of gender equality and economic empowerment for sustainable growth.

"The main thing we want to see is how this allocation is channelled, how it reaches the targeted groups and how it is fully capitalised," she said.

THE STAR

Tarikh: 21 OCT 2024

Pertimbang semula keputusan penyasaran subsidi RON95

8th 21/10

GEORGE TOWN - Kerajaan diminta mempertimbangkan semula keputusan penyasaran subsidi petrol RON95, terutama ketika ekonomi negara masih lembap bagi mengelakkan lonjakan kos sara hidup rakyat.

Timbalan Presiden Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Oh Tong Keong berkata, beliau bimbang keputusan itu akan menyebabkan kenaikan harga dalam pelbagai sektor terutamanya sektor pengangkutan dan logistik, yang akhirnya menambah beban kehidupan rakyat.

"Ketika kos sara hidup sudah terlalu tinggi, penyasaran subsidi petrol RON95 hanya akan menambah tekanan kepada rakyat. Ini bukan masanya untuk menarik balik subsidi yang amat diperlukan."

"Walaupun Anwar menyatakan bahawa 85 peratus rakyat tidak akan terjejas dengan penyasaran subsidi ini, namun saya percaya, semua lapisan masyarakat pasti tidak dapat

“

Perdana Menteri mendakwa bahawa warga asing dan 15 peratus pengguna berpendapatan tinggi telah memanfaatkan 40 peratus daripada subsidi petrol RON95."

- Tong Keong



mengelak daripada kesan kenaikan harga barang selepas dasar ini dilaksanakan," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Tong Keong turut mempersoalkan keberkesanan penguatkuasaan dasar tersebut apabila ia dilaksanakan kelak.

"Perdana Menteri mendakwa bahawa warga asing dan 15 peratus pengguna berpendapatan tinggi telah memanfaatkan 40 peratus daripada subsidi petrol RON95."

"Persoalannya, sejauh mana keberkesanan penguatkuasaan dasar ini. Kerana kita bimbang

akan ada golongan yang tidak layak masih boleh mengambil kesempatan melalui kelemahan penguatkuasaan," ujarnya.

Beliau turut meminta penjelasan bagaimana kerajaan boleh memastikan penyasaran subsidi tersebut dilaksanakan dengan adil.

Oleh demikian, beliau memohon kerajaan supaya meneliti semula keputusan itu dan mengekalkan subsidi petrol RON95, demi memastikan kos sara hidup rakyat tidak terus meningkat.

SINAR HARIAN

Tarikh:2.1.OCT...2024...

94
21/10

Harga barang diramal naik tahun hadapan

la kesan perluasan
skop SST dan
kenaikan gaji

Oleh RAIHAM MOHD
SANUSI
SHAH ALAM

Kenaikan harga barang dan perkhidmatan berkemungkinan akan berlaku pada tahun hadapan memandangkan beberapa perkara yang diumumkan dalam Belanjawan 2025 memberi kesan kepada pemain industri seperti peluasan skop Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) dan kenaikan kadar gaji minimum kepada RM1,700 sebulan.

Pakar Ekonomi Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST), Profesor Emeritus Dr Barjoyai Bardai berkata, peniaga juga dijangka mengambil kesempatan untuk menaikkan harga

barang susulan peningkatan gaji penjawat awam serta penyasaran subsidi petrol RON95.

"Lazimnya peniaga memang sentiasa mencari peluang untuk meningkatkan harga dan wujud peluang itu kerana mulai 1 Disember ini gaji penjawat awam meningkat sebelum kenaikan gaji minimum berkuat kuasa 1 Februari 2025.

"Peniaga melihat pengguna mempunyai kuasa beli yang lebih dan mereka menaikkan harga dengan alasan terpaksa membayar gaji lebih, kos overhead selain peningkatan kos belian barang premium yang diimport serta barang-barang tersenarai bawah peluasan SST," katanya.

Dalam pembentangan Belanjawan pada Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan akan melaksanakan peluasan skop SST secara progresif berkuat kuasa 1 Mei 2025.

Barjoyai turut tidak menolak kemungkinan kenaikan harga

barangan dan perkhidmatan berkenaan berlaku dalam peraturan yang agak tinggi kerana peniaga akan mengambil kira kesan pengganda daripada kenaikan kos dan cukai yang mereka alami.

"Kesan berangkai berlaku di segenap peringkat perniagaan misalnya, di peringkat pengeluar kerana apabila gaji naik dan berlaku peluasan cukai, mereka akan mengalami kenaikan kos. Kenaikan kos itu akan diserap dalam harga barang.

"Apabila pemborong ambil barang itu dengan harga yang naik, barang itu akan pergi kepada peruncit dengan harga turut meningkat sebelum ia sampai kepada peniaga makanan.

"Peniaga makanan pula akan menaikkan harga pada kadar jauh lebih tinggi daripada kenaikan kos," ujarnya.



BARJOYAI

Barjoyai menjelaskan, akhirnya akan dapat dilihat bahawa semua peringkat perniagaan menaikkan harga sekali gus menjadikan kenaikan harga berlaku secara meluas.

"Jadi peningkatan harga diramal agak besar walaupun kadar inflasi negara hari ini tidak sampai dua peratus.

"Bagaimanapun saya tidak dapat anggar peratus kenaikan harga ini secara spesifik. Namun ketika ini kos makanan semuanya sedang meningkat dan ia akan terus menaik," katanya.

Justeru, beliau menyarankan kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menggerakkan secara lebih agresif pasukan pemantau untuk pastikan peniaga tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya melebihi apa yang sepatutnya.

SINAR HARIAN

Tarikh:2.1.OCT.2024..

KOSMO 21/10

Johari jumpa DBKL bincang isu parkir Kompleks Pasar Raja Bot

KUALA LUMPUR – Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani akan mengadakan satu perjumpaan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membincangkan tentang isu tempat letak kereta di Kompleks Pasar Raja Bot di Jalan Raja Alang pada Jumaat depan.

Beliau berkata, perkara itu susulan keluhan peniaga yang sudah berpindah ke kompleks tersebut serta berdepan masalah kekurangan pelanggan berikutan orang ramai lebih memilih untuk ke pasar transit.

"Rentetan masalah itu juga terdapat ramai peniaga berkeras untuk berpindah ke kompleks baharu kerana bimbang hilang punca pendapatan.

"Semasa peniaga-peniaga ini berniaga di kawasan ini 10 tahun yang lalu, mereka bersetuju untuk membuat pembangunan.

"Oleh kerana pembangunan



JOHARI (dua dari kanan) ketika meninjau keadaan di pasar lama bersebelahan bangunan baharu Kompleks Pasar Raja Bot di Kuala Lumpur semalam. – AMIR KHALID

mengambil masa lama, lebih daripada 10 tahun, ramai pelanggan mereka lari. Apabila pasar baru ini siap, pindah ke dalam tak ada orang nak datang," katanya selepas melawat Kompleks Pasar Raja Bot, di sini semalam.

Johari yang merupakan Menteri Perladangan dan Komoditi itu berkata, pembangunan di kawasan itu lebih memfokuskan kepada kedai-kedai berbanding tempat letak kenderaan menyebabkan jalan tersebut sesak.

"Pasar ini unik kerana melibatkan berbilang bangsa, bukan satu kaum sahaja," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Peniaga Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, pada asalnya kompleks tersebut memperuntukkan kepada kira-kira 1,200 peniaga sahaja, tetapi ketika ini bilangan itu makin bertambah.

KOSMO

Tarikh: 2...1...DCT...2024

Banjir di lima negeri melibatkan 1,430 orang mangsa

KOSMO 21/10

PETALING JAYA — Jumlah mangsa banjir di lima negeri mencatatkan 1,430 mangsa setakat pukul 2 petang semalam, menurut Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Lima negeri tersebut ialah Perak, Perlis, Selangor, Pahang

dan Kedah.

Perak mencatat jumlah mangsa tertinggi iaitu 553 mangsa daripada 172 keluarga dicatatkan, melibatkan tiga daerah iaitu Hilir Perak, Perak Tengah dan Kerian.

Sebanyak lapan pusat pemin-

dahan sementara (PPS) telah dibuka.

Di **Perlis** pula ia hanya melibatkan daerah Kangar yang mempunyai seramai 475 mangsa daripada 162 keluarga dan dua PPS masih dibuka setakat ini.

Dalam pada itu, di **Selangor**,

seramai 160 mangsa banjir daripada 58 keluarga membabitkan dua daerah iaitu Sabak Bernam dan Kuala Selangor.

Sebanyak tiga PPS dibuka di Sabak Bernam, manakala satu di Kuala Selangor.

Di **Temerloh, Pahang** seramai

133 mangsa daripada 31 keluarga telah ditempatkan di satu PPS sehingga kini.

Dalam pada itu, seramai 109 mangsa daripada 30 keluarga masih ditempatkan di satu PPS di daerah Bandar Baharu, **Kedah**.

KOSMO

Tarikh: 21 OCT 2024

Penyasaran subsidi RON95 tidak hanya berpandu pendapatan isi rumah

Bukan guna kaedah pukul rata

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Program penyasaran subsidi RON95 yang akan diperkenalkan kerajaan pertengahan tahun hadapan bukan hanya berdasarkan garis pendapatan isi rumah semata-mata.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, buat masa ini, penyasaran subsidi RON95 bukan berdasarkan asas pendapatan isi rumah, sebaliknya mengambil kira faktor-faktor lain.

"Saya boleh sahkan bahawa ia bukanlah menggunakan kaedah pendapatan isi rumah semata-mata seperti yang dirujuk kepada B40, M40 dan T15. Ia bukan kalau kamu gaji sekian-sekian kamu tak dapat (subsidi). Ia tak boleh potong 'line' (ikut pendapatan isi rumah) sahaja, kena tengok pemboleh ubah lain dan bukan pukul rata.

"Banyak simulasi dan proses yang kita akan lakukan di antara Kementerian Ekonomi, Kemen-



RAFIZI (duduk, tengah) bersama kakitangan DOSM pada Majlis Sambutan Hari Statistik Negara 2024 dan Kick-Off Laman Statistik di Menara Suasana PJH di Putrajaya semalam.

terian Kewangan, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan jabatan-jabatan terbabit," katanya ketika ditemui pada majlis sambutan Hari Statistik Negara 2024, di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika

ditanya sama ada kumpulan pendapatan maha kaya (T15) tidak lagi menikmati subsidi RON95 mulai pertengahan tahun depan.

Katanya, penentuan sama ada kumpulan pendapatan mana tidak layak menikmati subsidi

RON95 juga akan mengambil kira faktor-faktor lain termasuk lokasi dan tanggungan kerajaan.

Rafizi berkata, jumlah populasi sebenar T15 itu sedang diperhalusi kerajaan bagi memastikan bahawa setiap program penyas-

ran subsidi yang dilaksanakan kelak berlaku lebih adil kepada semua.

"Kita tahu bahawa pengukuran berdasarkan pendapatan isi rumah semata-mata sebenarnya banyak tercicir dan tidak adil.

"Memang kita ingin beralih kepada satu konsep yang dipanggil perbelanjaan bersih isi rumah yang mengambil kira perbelanjaan asas isi rumah bagi menjalani kehidupan wajar," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan membuka semula sistem pendaftaran Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) bagi yang terlepas sebelum ini, katanya, jika data PADU itu akan menjadi asas penentuan kelayakan subsidi maka, pendaftaran wajar dibuka semula.

"Kalau itu keputusan kerajaan maka ia akan dibuka semulalah," katanya.

Beberapa penganalisis mengandaikan kumpulan T15 terdiri isi rumah berpendapatan lebih RM13,000 sebulan tidak lagi layak menerima subsidi RON95.

KOSMO

21 OCT 2024

Tarikh:

Malaysia ke-33 dunia paling inovatif

KUANTAN – Malaysia berada di landasan tepat dalam penguasaan digital apabila kadar literasi digital rakyat Malaysia terus menunjukkan trend peningkatan dengan kira-kira 80 peratus rakyat negara ini celik digital.

Ketua Perkhidmatan Korporat Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Amirudin Abdul Shukor berkata, sehubungan itu Malaysia turut berada di tangga 33 dunia dari segi kedudukan global inovatif pada tahun ini sekali gus menunjukkan penguasaan masyarakat negara ini dalam dunia digital.

"Kedudukan inovatif memang sudah rasmi tahun lalu, salah satu daripada parameter untuk kita dapat ranking nombor 33 itu salah satunya ialah celik digital.

"Jadi, pada masa ini belum (100 peratus celik digital) lagi tetapi kita bergerak sekurang-kurangnya 80 peratus itu sudah cantik sebenarnya sebagai sebuah negara membangun," katanya dalam sidang akhbar pada program Jelajah Saya Digital



AMIRUDIN (kiri) mengiringi Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang, Datuk Mohamad Nizar Mohamad Najib (tiga dari kiri) merasmikan Program Jelajah Saya Digital (JSD) @ Kuantan di Kuantan semalam.

(JSD) @ Kuantan di sini semalam.

Menurut Amirudin, perkembangan teknologi maklumat terus berkembang pesat di negara ini apabila golongan kanak-kanak dilihat mampu menguasai teknologi digital dengan baik.

Beliau memberitahu, berdasarkan maklumat pada masa ini mendapati pengetahuan tentang teknologi di bandar adalah lebih sedikit berbanding kawasan luar bandar di negara ini.

Justeru katanya, MDEC akan

memastikan tiada rakyat Malaysia sama ada di bandar atau luar bandar ketinggalan dalam arus teknologi digital.

"Jadi, kita kena juga bekerjasama dengan kerajaan negeri, sekurang-kurangnya mereka dapat connectivity (keterhubungan digital) jadi mereka boleh melakukan urusan secara digital.

"Kita juga perlukan sokongan daripada semua, sama ada pihak pembekal internet untuk bantu kita mendapat capaian telekomunikasi di seluruh Malaysia supaya sekurang-kurangnya kita dapat capai 80 peratus connectivity,"katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sejak program JSD diperkenalkan empat tahun lalu, jumlah penyertaan secara keseluruhan telah merekodkan sebanyak 53,786 peserta dengan seramai 2,631 peserta adalah dari Pahang.

Tambahnya, pada tahun ini MDEC menyasarkan seramai 40,000 peserta akan menyertai program JSD di 31 lokasi seluruh negara.

KOSMO

21 OCT 2024

Tarikh:

Gaji RM1,700 tangani kos sara hidup

PETALING JAYA – Langkah menaikkan kadar gaji minimum dari RM1,500 kepada RM1,700 dalam pembentangan Belanjawan 2025 oleh Perdana Menteri pada Jumaat lalu merupakan langkah yang bukan sahaja tindak balas segera kepada tekanan kos sara hidup tetapi juga langkah strategik ke arah meningkatkan permintaan peredaran wang (*aggregate demand*).

Pakar ekonomi dari Universiti Malaya, Dr. Goh Lim Thye berkata, dengan meningkatkan kuasa beli golongan bergaji rendah, kerajaan boleh merangsang penggunaan secara berkesan yang menyumbang sebahagian besar daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Jelasnya, dari sudut makroekonomi, gaji yang lebih tinggi dapat menyumbang kepada peningkatan produktiviti dengan memberi insentif kepada pekerja dan mengurangkan kadar pusing ganti.

"Selain itu, langkah ini juga untuk mengimbangi keperluan perniagaan kecil yang merupakan tulang belakang ekonomi Malaysia, malah tempoh pelaksanaan tertunda selama enam bulan telah diperkenalkan untuk majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja.

"Ini memberikan fleksibiliti yang sangat diperlukan untuk perniagaan kecil sambil memastikan pekerja mendapat manfaat daripada peningkatan gaji.

"Walaupun kenaikan gaji akan



KENAIKAN gaji akan memberikan kelegaan segera kepada isi rumah berpendapatan rendah. – GAMBAR HIASAN



LIM THYE

memberikan kelegaan segera kepada isi rumah berpendapatan rendah, namun kesan jangka panjangnya akan memberi impak besar termasuk pasaran domestik yang lebih kukuh, keyakinan pengguna yang lebih baik dan pengurangan ketidaksamaan gaji," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Dalam pada itu, Lim Thye juga berpendapat, komitmen melalui pembentangan Belanjawan 2025 untuk mengurangkan defisit fiskal kepada 3.8 peratus daripada KDNK negara mencerminkan strategi jangka panjang kerajaan untuk meningkatkan kemampuan fiskal.

Katanya, dengan mengawal defisit fiskal dan menguruskan hutang awam, kerajaan mampu untuk mengekalkan kestabilan makroekonomi dan paling penting untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI).

"Keyakinan pelabur berkait rapat dengan disiplin fiskal dan dengan mengekalkan tumpuan yang jelas terhadap pengurangan hutang, kerajaan sebenarnya telah menghantar isyarat yang kuat kepada komuniti pelaburan antarabangsa," tambahnya.

KOSMO

Tarikh: 21 OCT 2024

Segerakan pembinaan parkir

Johari ingin temui DBKL, pemaju bincang masalah peniaga di kompleks baharu Pasar Raja Bot

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my
(DBKL) HM
Kuala Lumpur 11/10

Fasa pembangunan Pasar Raja Bot perlu dilihat semula terutama membabitkan pembinaan tempat letak kenderaan bagi mengelakkan kompleks pasar baharu berkenaan 'mati'.

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, susulan itu beliau akan bertemu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jumaat ini untuk membincangkan dan melihat perkara berkenaan.

Menurutnya, ketika ini kompleks baharu sudah siap dan boleh digunakan, namun ada segelintir peniaga yang belum berpindah ke lokasi berkenaan kerana mendakwa bangunan itu kurang dikunjungi pelanggan.

Katanya, pembinaan pembangunan berkenaan mengambil masa lebih 10 tahun untuk disiapkan namun kini selepas selesai dibina, peniaga mendakwa

pelanggan kurang mengunjungi kompleks berkenaan.

"Apabila sudah siap dan mereka dipindahkan ke dalam, tetapi tiada orang mahu datang kerana pertama-tama tiada parkir kenderaan. Bila tiada parkir siapa yang nak datang ke dalam pasar dan ia akan menjejaskan pendapatan peniaga."

"Keduanya, dilihat di kawasan ini prioriti pembangunannya lebih kepada kedai daripada tempat letak kenderaan (tetapi) sebenarnya perlu bina parkir dahulu (kerana) kalau tiada parkir di Kuala Lumpur ini macam mana orang nak datang ke pasar ini," katanya selepas melawat pasar itu, semalam.

Turut hadir, Presiden Persatuan Peniaga Bumiputera Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosli Sulaiman dan Ketua Cawangan Persatuan Peniaga dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan Cawangan Jalan Raja Bot, Sharin Darus.

Difahamkan, pembinaan pasar berkenaan membabitkan empat fasa iaitu fasa pertama dan kedua sudah selesai dengan peniaga ada



JOHARI ketika sesi dialog bersama peniaga ketika mengadakan lawatan ke bangunan baharu Pasar Raja Bot, Chow Kit. - Gambar NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

yang sudah beroperasi di bangunan baharu manakala fasa ketiga membabitkan pembinaan kawasan pasar dan keempat, pembinaan parkir kenderaan.

Bagaimanapun, pembinaan tempat letak kenderaan masih belum dimulakan dan ia membawa masalah kepada peniaga ke-

rana pelanggan didakwa kurang berbelanja di bangunan itu selain orang ramai juga sukar mendapatkan parkir.

Ia sekali gus menyebabkan kesesakan jalan di sekitar pasar berkenaan apabila banyak kenderaan diletakkan di bahu jalan hingga ada yang meng-

ganggu laluan.

Johari berkata, bagi merungkai dan menyelesaikan masalah dihadapi peniaga di kawasan berkenaan, beliau berpandangan penyusunan semula fasa pembinaan projek pembangunan berkenaan perlu dilihat semula.

Katanya, selain menga-

dakan pertemuan dengan DBKL, pihaknya juga akan bertemu pemaju pembinaan kawasan berkenaan untuk berbincang supaya pembinaan tempat letak kenderaan itu dapat disegerakan dan didahulukan.

"Kita susun semula fasa (pembinaan projek) mungkin fasa parkir kenderaan akhir sekali, tetapi apabila pembinaannya dilakukan terakhir, pasar sudah siap dan tiada parkir (akan buat) orang tak datang yang akhirnya pasar ini akan mati."

"Jadi kita mahu utamakan parkir dahulu dan notis yang diberikan (kerana tidak berniaga dalam kompleks baharu) pihak DBKL perlu ambil maklum yang mereka bukan tidak mahu berniaga (tetapi berlaku kerana mengalami masalah kekurangan pelanggan)," katanya.

Sementara itu, Johari yang juga Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi turut mencadangkan supaya tiga persatuan perniagaan di kawasan berkenaan bergabung dan sepakat dalam menyelesaikan perkara berkait di kawasan itu.

HARIAN METRO

Tarikh: 2.1 OCT 2024.

Sasar subsidi kepada kumpulan sewajarnya ^{HM} 21/10

Kuala Lumpur: Kerajaan sedang mengkaji data dan akan memastikan subsidi bagi petrol, kesihatan dan pendidikan membantu golongan yang sewajarnya, kata Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Beliau berkata langkah menarik balik subsidi petrol RON95 untuk kumpulan T15 atau 15 peratus teratas dan warga asing adalah sebahagian daripada usaha meluas kerajaan untuk memastikan subsidi disasarkan kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

"Saya berpandangan bahawa aspek paling penting adalah, apa-apa sahaja yang kita lakukan dalam kerajaan, penting untuk meneliti data dengan baik dan memastikan ia benar-benar tertumpu kepada kumpulan yang sewajarnya."

"Masih banyak perkara yang sedang dilaksanakan. Oleh itu, saya ber-

pendapat, kita tidak sewajarnya membuat spekulasi mengenai nilai ambang dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Makan Malam Gala Diraja bagi meraikan ulang tahun ke-120 St John's Institution di sini, malam kelmarin.

Beliau berkata, butiran selanjutnya seperti nilai ambang pendapatan dan mekanisme pelaksanaan masih dalam perbincangan.

"Daripada segi kadar nilai ambang dan mekanisme, kita akan umumkan pada tahun depan," kata beliau.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan Madani Ketiga 2025 pada Jumaat lalu berkata, kerajaan memberi jaminan akan mempertahankan kepentingan rakyat terbanyak dalam pelaksanaan penyasaran subsidi.

HARIAN METRO
Tarikh: 21 OCT 2024



WAKIL penduduk Badrul Hisham Idris, 45, menyusun kedudukan barangan elektrik yang dikumpulkan di sebuah dewan terbuka di Kampung Kunci Air 4, Labu Kubong, Teluk Intan, semalam. Sekumpulan penduduk mengambil inisiatif membantu penduduk berhampiran menyelamatkan barangan penting daripada terjejas akibat banjir. Mereka bergotong-royong menggunakan kenderaan masing-masing membantu penduduk memindahkan barangan terutama peralatan elektrik dari rumah yang dinaiki air ke sebuah dewan.

MANGSA BANJIR DI TIGA NEGERI MENINGKAT

HM 21/10

1,480 orang terjejas

Kuala Lumpur

Mangsa banjir di Pahang dan Perak mencatatkan penurunan manakala di Selangor, Kedah dan Perlis meningkat dengan jumlah keseluruhan ditempatkan di 15 pusat pemindahan sementara (PPS) 1,480 mangsa pagi semalam berbanding 2,570 petang kelmarin.

Laporan Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memaklumkan

setakat jam 9 pagi semalam jumlah mangsa banjir di **PAHANG** berkurang daripada 363 orang kelmarin kepada 187 orang dan semua ditempatkan di satu PPS di Temerloh.

Di **PERAK**, 553 mangsa banjir ditempatkan di lapangan PPS berbanding 1,506 mangsa petang kelmarin membabitkan daerah Kerian, Hilir Perak dan Perak Tengah.

Sementara itu jumlah mangsa banjir di **KEDAH** meningkat 109 mangsa di

satu PPS berbanding 80 petang kelmarin.

Jumlah mangsa banjir di **SELANGOR** juga bertambah sedikit daripada 152 kelmarin kepada 160 mangsa yang berlindung di tiga PPS pagi semalam manakala di **PERLIS** 471 mangsa di dua PPS berbanding 469 orang kelmarin.

Sementara itu, laman sesawang rasmi <https://publicinfobanjir.water.gov.my/> memaklumkan lapangan sungai mencatatkan paras bahaya masing-masing

empat di Sarawak, tiga di Selangor dan satu di Melaka.

Jabatan Meteorologi Malaysia menerusi amaran dikeluarkan jam 8.25 pagi semalam pula memaklumkan ribut petir, hujan lebat dan angin kencang dijangka berlaku di seluruh Pulau Pinang dan Kedah membabitkan kawasan Kota Setar, Pokok Sena, Padang Terap, Yan, Pendang, Kuala Muda, Sik, Baling, Kulim dan Bandar Baharu hingga 11 pagi semalam.



PENDUDUK Teluk Intan menyelamatkan haiwan ternakan masing-masing selepas kawasan kediaman mereka terjejas akibat banjir berikutan fenomena air pasang besar, kelmarin.

HARIAN METRO

Tarikh: **21 OCT 2024**

Putrajaya: Kerajaan kini sedang memperhalusi mekanisme untuk melaksanakan kaedah harga dua peringkat bagi penyasaran subsidi petrol RON95.

Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata, dua peringkat itu membabitkan mereka yang tidak layak mendapat subsidi dan sebanyak 85 peratus mereka yang layak.

"Disebabkan itu, mekanismenya perlu dibincang. Sudah tentu, kita tahu apa nak dilakukan tapi biarlah kita lalui prosesnya membabitkan stesen minyak dan pihak berkaitan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan majlis Sambutan Hari Statistik Negara (HSN) dan Pra Pelancaran Laman Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia di Presint 2 di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Ketika membentangkan Belanjawan 2025 pada Jumaat lalu, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan penyasaran subsidi

PENYASARAN SUBSIDI RON95

Perhalusi mekanisme laksana kaedah harga dua peringkat



RAFIZI bercakap kepada pemberita selepas merasmikan majlis sambutan Hari Statistik Negara 2024 dan Laman Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia di Putrajaya.

petrol RON95 dijangka dilaksanakan pada pertengahan tahun depan.

Anwar berkata, penyasaran itu boleh menjimatkan sehingga RM8 bilion hasil 40 peratus subsidi petrol RON95 yang dinikmati warga asing dan golongan maha kaya ketika ini.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, mekanisme penyasaran subsidi petrol RON95 juga sedikit berlainan dengan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Menurutnya, penyasaran subsidi diesel dilihat agak mudah kerana ia mempunyai *fleet card*.

"Ini kerana kumpulan yang dapat harga subsidi ini hanyalah syarikat pengangkutan dan logistik, jadi kita boleh beri *fleet card*."

"Tetapi untuk rakyat (penyasaran subsidi petrol RON95), kita ada 30 juta orang dan kita tak boleh beri *fleet card* kepada semua."

"Jadi, itu yang sekarang ini dibincang dan diperhalusi untuk pelaksanaan," katanya.



Kita tahu apa nak dilakukan tapi biarlah kita lalui prosesnya membabitkan stesen minyak dan pihak berkaitan"

Rafizi Ramli

HARIAN METRO

Tarikh: ..2..1..OCT...2024..

Peningkatan kualiti hidup wanita akan memberi kesan kepada kesejahteraan mereka dari sudut emosi dan mental, seterusnya beri impak positif kepada keluarga dan masyarakat

Haslinda Abdullah,
Pengarah Institut Pengajian Sains Sosial UPM



Inisiatif kerajaan angkat martabat wanita, rapat jurang gender

Kuala Lumpur: Beberapa inisiatif Belanjawan 2025 memba-
bitkan wanita yang diumumkan
Perdana Menteri, Datuk Seri
Anwar Ibrahim disifatkan se-
bagai agenda pemerkasaan go-
longan itu, di samping memberi
indikator jelas berhubung sum-
bangan mereka kepada negara.

Pengarah Institut Pengajian
Sains Sosial Universiti Putra
Malaysia (UPM), Prof Dr Has-
linda Abdullah, berkata sasaran
kerajaan antaranya berkaitan
meningkatkan pembabitkan wa-
nita sebagai lembaga pengarah
dalam 100 syarikat teratas ter-
senarai di Bursa Malaysia, se-
cara tidak langsung merapat-
kan jurang gender di Malaysia.

Selain itu, katanya, langkah
kerajaan menggalakkan wanita
kembali bekerja dengan pelba-
gai inisiatif galakan di bawah
Kementerian Pembangunan
Wanita, Keluarga dan Masya-
rakat (KPWKM) boleh direali-
sasikan dengan memastikan pe-
luang latihan komprehensif di-
peruntukkan kepada mereka.

"Dalam konteks keseimban-
gan kerja dan kehidupan untuk
wanita bekerjaya, ruang lebih
fleksibel perlu diberikan kepada
mereka yang menjadi tonggak
utama keluarga dan juga me-
reka yang tersepit di tengah-te-
ngah menanggung ahli kelu-
arga, lebih-lebih lagi pada zaman
ini dengan beberapa kerjaya bo-
leh dijalankan di rumah.

"Bagi mereka yang perlu ber-
ada di pejabat, perkhidmatan
penjagaan kanak-kanak harus
ditambah baik, termasuk penye-
diaan ruang penyusuan selesa
oleh majikan. Peningkatan kua-
liti hidup wanita akan memberi
kesan kepada kesejahteraan me-
reka dari sudut emosi dan men-
tal, seterusnya memberi impak
positif kepada keluarga dan ma-
syarakat," katanya, semalam.

Belanjawan 2025 dibentang Ju-
maat lalu, antara lain menyen-
tuh mengenai Program Peran-
tisan Kepemimpinan Wanita
(PERANTIS) diperhebat di ba-
wah KPWKM sebagai usaha me-
lahirkan lebih ramai tokoh ko-
rporat dalam kalangan wanita.

Selain itu, program *Returns-
hip* akan dilaksanakan bertu-

juan menggalakkan wanita
kembali bekerja dalam sektor
kewangan dengan menyediakan
kemudahan latihan dan kemu-
dian menghubungkan dengan
bakal majikan yang bersesua-
ian untuk kembali bekerja.

Kerajaan turut bercadang
memberi potongan cukai tamba-
han 50 peratus bagi pengajian
dibayar untuk tempoh 12 bulan
kepada majikan yang menggaji
wanita kembali bekerja.

Bidang keusahawanan

Sementara itu Pensyarah Ka-
nan Sekolah Perniagaan di Pr-
ince Sultan University, Riyadh,
Dr Nadisah Zakaria, berkata pe-
runtukan RM650 juta untuk me-
nyokong wanita dan belia dalam
bidang keusahawanan disifat-
kan langkah ke arah memupuk
keterangkuman dan kepelbaga-
ian dalam landskap perniagaan.

Beliau berkata, inisiatif ber-
kenaan mencerminkan pengik-
tirafan semakin meningkat ter-
hadap peranan kritikal wanita
dalam pembangunan ekonomi
dan keusahawanan.

"Penyediaan sokongan kewa-
ngan melalui institusi seperti
SME Bank, Bank Simpanan Na-
sional, Bank Rakyat dan Majlis
Amanah Rakyat (MARA) bukan
sahaja memudahkan akses ke-
pada modal, tetapi juga mem-
perkasakan usahawan wanita
untuk mengembangkan perni-
agaan dan berinovasi dalam bi-
dag masing-masing.

"Usaha ini sejajar dengan
matlamat yang lebih luas, iaitu
kesaksamaan jantina dan pe-
meriksaan ekonomi untuk per-
tumbuhan mampan. Apa yang
utama kita mahu lihat bagai-
mana peruntukkan ini disalur-
kan dan sampai kepada golo-
ngan sasaran seterusnya diman-
faatkan sepenuhnya," katanya.

Nadisah berkata, usahawan
wanita hari ini harus menum-
pukan terhadap penguasaan bi-
dag berkaitan literasi digital
dan e-dagang, amalan perni-
agaan mampan, pengurusan ke-
wangan, rangkaian dan kerja-
sama, kekangan yang perlu di-
atasi, akses kepada maklumat
serta keseimbangan kerja dan
kehidupan.

BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh... 21 OCT 2024

Perincian subsidi, insentif ditawarkan belanjawan perlu telus, adil dan saksama

21/10

Di sebalik pengumuman Belanjawan 2025 yang akan tertumpu kepada 85 peratus rakyat terbanyak, kini timbul persoalan mengenai nasib bakal menimpa golongan kategori T15 pula yang dikatakan tidak akan menerima manfaat subsidi pada tahun depan.

Terlalu banyak khabar angin berlegar di media sosial membangkitkan nasib bakal dilalui T15 ini yang dianggap baharu kerana kerajaan sebelum ini mengguna kategori T20 bagi merujuk golongan kaya atau berpendapatan isi rumah tinggi melebihi RM11,820 sebulan.

Pengumuman kategori baharu T15 ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim membentangkan Belanjawan 2025 turut menimbulkan kegusaran kepada golongan M40 dan T20 yang menyangka kategori baharu itu turut membabitkan kumpulan berkenaan.

Sebaliknya, kategori isi rumah T15 dilaporkan merujuk kepada istilah digunakan untuk menggambarkan 15 peratus isi rumah teratas dari segi pendapatan dalam masyarakat iaitu golongan 'maha kaya' dengan pendapatan isi rumah melebihi kategori T20.

Ini adalah sebahagian daripada pembahagian pendapatan sering digunakan untuk menganalisis ketidaksamaan pendapatan yang mana masyarakat dibahagikan kepada kategori berdasarkan pendapatan mereka seperti B40, M40 dan T20. Justeru, masyarakat khasnya golongan M40 dan T20 tidak harus cepat melatah dengan kewujudan kategori T15.

Bahkan seperti dilaporkan, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menjelaskan pengkelasan kategori isi rumah bagi setiap peringkat tidak akan menggunakan data pendapatan isi rumah kasar sedia ada, sebaliknya mengambil kira perbelanjaan asas isi rumah untuk menjalani kehidupan wajar, bergantung kepada beberapa pemboleh ubah akan ditentukan.

Mendepani isu ini, kerajaan khususnya Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi perlu proaktif memperhalusi pengkelasan kategori T15, menjelaskan kepada umum ciri T15 bagi mengelak kekeliruan masyarakat sehingga merosakkan imej kerajaan.

Kelompangan maklumat mengenai kategori T15 yang berlaku selepas beberapa jam belanjawan diumumkan seharusnya ditangani dengan segera kerana ia menyentuh soal persepsi umum, maklumat wibawa dan ketelusan.

Persoalan mengenai kategori T15 ini dan penyasaran subsidi dianggap sebagai isu amat sensitif kepada rakyat terutama kelompok M40 yang dikategorikan pendapatan isi rumah selesa, tetapi bergantung kepada lokasi mereka tinggal serta jumlah tanggungan ahli keluarga.

Kelompok M40 juga lebih peka dan sensitif terhadap sebarang dasar serta dasar ekonomi kerajaan kerana mereka perlu cepat menyesuaikan pendapatan isi rumah dengan perbelanjaan harian dan bulanan.

Lazimnya kelompok M40 adalah golongan 'terlepas' mendapat bantuan atau inisiatif diwujudkan kerajaan bagi membantu rakyat kerana taraf mereka dianggap melebihi kemampuan B40, tetapi berada di bawah sedikit garis T20.

Apa yang penting, penyasaran subsidi, pemberian insentif dan inisiatif ditawarkan menerusi Belanjawan 2025 perlu lebih telus, adil dan saksama untuk segenap lapisan masyarakat.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 21 OCT 2024.....

Tiada parkir kereta siapa mahu datang Pasar Raja Bot?

Oleh AIMAN ALI
aiman.ali@mediamula.com.my

um 2/10
(DBKL)

KUALA LUMPUR: Ketiadaan tempat letak kenderaan di Kompleks Pasar Raja Bot di Jalan Raja Alang di sini antara faktor orang ramai enggan ke pasar itu untuk membeli barangan keperluan.

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, sehubungan itu, masalah tersebut akan dibawa dalam pertemuan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jumaat depan.

Menurut beliau, isu parkir dibangkitkan susulan kesesakan yang berlaku pada fasa transit pasar itu sekali gus mengurangkan kehadiran pengunjung.

"10 tahun lepas mereka bersetuju untuk buat pembangunan tetapi oleh kerana pembangunan ini mengambil masa begitu lama, banyak pelanggan mereka semua sudah lari. Apabila Fasa 2 sudah siap dan mereka dipindahkan ke dalam, tiada orang ingin datang.

"Kenapa orang tidak mahu datang? Pertama, tempat letak kenderaan tiada. Jadi, siapa mahu datang ke pasar ini? Selain itu, saya lihat di kawasan ini keutamaannya untuk lebih kepada buat pembangunan dari tempat letak kenderaan.

"Justeru, perlu dibuatkan tempat letak kenderaan terlebih dahulu. Kalau tiada di Kuala Lumpur ini, macam mana orang mahu datang ke pasar ini? Jadi, selepas ini para peniaga tiada lagi alasan untuk mengatakan orang tidak datang sebab ketiadaan tempat letak kenderaan," katanya selepas melawat Kompleks Pasar Raja Bot semalam.



JOHARI Abdul Ghani diberi penerangan ketika melawat Kompleks Pasar Raja Bot di Kuala Lumpur semalam.

Terdahulu, peniaga di Pasar Raja Bot atau lebih dikenali sebagai Pasar Chow Kit belum bersedia untuk berpindah ke Kompleks Pasar Raja Bot kerana bimbang jualan mereka menurun akibat kekurangan pelanggan.

Tinjauan mendapati, keadaan di Kompleks Pasar Raja Bot masih sunyi berikutan peniaga masih berniaga di lokasi lama.

Mengulas lanjut, Johari berkata, beliau turut mencadangkan kepada tiga persatuan yang terlibat dalam menguruskan pasar itu agar mengambil

perkhidmatan anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) bagi melancarkan pergerakan trafik di fasa transit.

Sementara itu, Presiden Persatuan Peniaga Bumiputera Wilayah Putera Kuala Lumpur (WPKL), Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, beliau mahu semua peniaga untuk berpindah ke kompleks baharu itu bagi mengelak pembangunan oleh kerajaan dibazirkan atau disia-siakan.

"Kita tidak mahu pasar baharu yang dibina ini menjadi projek 'gajah putih' seperti pasar di Selayang.

Di Selayang, kita masukkan semua peniaga tetapi kita tidak dapat kawal peniaga-peniaga yang ada di sekitar kawasan jalan, tepi jalan termasuk Rohingya dan sebagainya.

"Selain itu, kita juga lihat DBKL hari ini tidak membuat kawalan sepenuhnya.

"Banyak peniaga yang mengubah suai. Ada meja (disediakan) tetapi dia (peniaga) meletakkan lagi (meja) supaya dapat berniaga di hadapan sehingga laluan keluar masuk menjadi susah," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:2...1...OCT...2024

Penyasaran subsidi RON95 bukan ikut pendapatan isi rumah

um
21/10
①

Oleh **MOHD. HUSNI MOHD.
NOOR dan HAFIZ SAIDINA**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Program penyasaran subsidi RON95 yang akan diperkenalkan kerajaan pada pertengahan tahun hadapan bukan hanya berdasarkan garis pendapatan isi rumah semata-mata.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, sebaliknya ia (penyasaran subsidi RON95) juga mengambil kira faktor-faktor lain buat masa ini.

“Saya boleh sahkan bahawa ia bukanlah menggunakan kaedah pendapatan isi rumah semata-mata seperti yang dirujuk kepada B40, M40 dan T15.

Bersambung di muka 3

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 21 OCT 2024

Penyasaran subsidi RON95 bukan ikut pendapatan isi rumah

UM 21/10 ②

Dari muka 1

"Ia bukan kalau kamu gaji sekian-sekian kamu tak dapat (subsidi). Ia tak boleh potong line (ikut pendapatan isi rumah) sahaja, kita kena tengok pemboleh ubah lain dan bukan pukul rata.

"Banyak simulasi dan proses yang kita akan lakukan antara Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan jabatan-jabatan terbabit," katanya ketika ditemui dalam majlis sambutan Hari Statistik Negara 2024 di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada kumpulan pendapatan maha kaya (T15) tidak lagi menikmati subsidi RON95 mulai pertengahan tahun depan.

Katanya, penentuan sama ada kumpulan pendapatan mana tidak layak menikmati subsidi RON95 juga akan mengambil kira faktor-faktor lain termasuk lokaliti dan tanggungan kerajaan.

Rafizi berkata, jumlah populasi sebenar T15 sedang diper-

halusi kerajaan bagi memastikan setiap program penyasaran subsidi yang dilaksanakan kelak berlaku lebih adil kepada semua.

"Kita tahu bahawa pengukuran berdasarkan pendapatan isi rumah semata-mata sebenarnya banyak yang tercicir dan tidak adil.

"Memang kita ingin beralih kepada satu konsep yang dipanggil perbelanjaan bersih isi rumah yang mengambil kira perbelanjaan asas isi rumah bagi menjalani kehidupan wajar," ujarnya.

Ditanya sama ada kerajaan akan membuka semula pendaftaran Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) bagi yang terlepas sebelum ini, Rafizi memberitahu, jika sistem data itu akan menjadi asas kepada penentuan kelayakan subsidi, maka ia (pendaftaran) wajar dibuka semula.

"Kalau itu keputusan kerajaan, maka ia akan dibuka semula," katanya.

Sebelum ini, beberapa penganalisis mengandaikan kumpulan T15 adalah terdiri daripada isi rumah berpendapatan melebihi RM13,000 sebulan

dan mereka sepatutnya tidak lagi layak menerima subsidi RON95.

Dalam pada itu, Ketua Ekonomi dan Analisis Pasaran dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Berhad, Dr. Mohd. Afzanizam Abdul Rashid berkata, kerajaan perlu memastikan kelemahan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel tidak berulang sehingga menyulitkan pengguna.

Menurutnya, ini kerana ada kemungkinan kerajaan akan mengikut mekanisme pelaksanaan penyasaran subsidi diesel sehingga pengguna merugut.

"Mekanisme untuk melakukan rasionalisasi subsidi perlu lebih baik daripada penyasaran subsidi diesel. Ini bukan satu peralihan yang mudah.

"Tempoh sekarang sehingga pertengahan tahun hadapan adalah lama. Jadi, kerajaan perlu bersedia dari segi sistem dan komunikasi kepada rakyat. Ia seperti memberi signal kepada rakyat untuk membuat satu persiapan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jelas beliau, memang tidak dinafikan jika dilaksanakan penyasaran subsidi petrol

RON95, tindakan itu akan menyebabkan peningkatan harga minyak dan memberi kesan kepada harga barangan lain kerana RON95 adalah bahan kegunaan harian.

"Bagaimanapun, kerajaan perlu melakukan langkah mitigasi sebagai contoh, Sumbangan Tunai Rahmah (STR)," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cape), Mohamad Yusrizal Yusoff memberitahu, walaupun gaji minimum naik kepada RM1,700 tetapi penyasaran subsidi ini dikhuatiri akan berlaku ekonomi domino kepada barang-barang lain.

"Jika dilihat apabila meningkat gaji minimum, ia menyebabkan kos buruh meningkat seterusnya peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga ditambah lagi apabila melakukan penyasaran subsidi petrol.

"Ini akhirnya menyebabkan kenaikan harga barang lebih tinggi daripada kenaikan gaji sebanyak RM200. Jadi, perlu berhati-hati untuk melakukan penyasaran subsidi ini," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:2.1.OCT 2024

Sukar ramal kejadian banjir di KL

PETALING JAYA: Cuaca Malaysia yang tidak menentu menyebabkan sukar untuk mengetahui sama ada ibu negara bakal dilanda banjir sekali lagi atau tidak.

Pakar Meteorologi Universiti Malaya, Prof. Datuk Dr. Azizan Abu Samah berkata, ini kerana ibu negara dibangunkan di kawasan dataran banjir.

"Risiko banjir itu ada kerana ibu negara dibangunkan di kawasan dataran banjir yang sememangnya terdedah dengan bencana alam.

"Kejadian banjir yang berlaku Selasa lalu boleh berlaku lagi jika hujan lebat," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Sementara itu, beliau berkata, isu penyimpanan air sebagai persediaan menghadapi kemarau pula penting apabila sungai besar di semenanjung dilengkapi dengan empangan untuk tujuan penyimpanan air serta kawalan banjir.

"Membina empangan adalah satu projek mega dan perlu dirancang dengan teliti kerana ia ambil masa dua kelima tahun untuk dilaksanakan dan kosnya tinggi.

"Lebih murah kalau kita dapat jimatkan penggunaan air dan turunkan penggunaan daripada '260 liter/hari/orang' kepada 150 liter/hari/orang," katanya.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) berkata, setiap agensi pengurusan bencana perlu mengamalkan langkah jelas seperti yang terkandung dalam Arahan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) No. 1 yang baru dilancarkan awal bulan ini menggantikan Arahan Majlis Keselamatan Negara 20 (MKN 20).

"Orang awam perlu sentiasa peka dengan amaran cuaca METMalaysia dan kawasan sekeliling bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa keadaan kehadiran cuaca buruk," katanya.

Kata jabatan itu, keadaan banjir bukan sahaja boleh berlaku di ibu negara tetapi semua negeri kerana Malaysia kini dalam fasa menuju musim tengkujuh.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ...2...1...OCT...2024...

Tanggungjawab penjawat awam realisasikan Belanjawan 2025

4m
2/10



**NOOR
MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

KETIKA membentangkan Belanjawan 2025, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengungkapkan, tanggungjawab pemimpin dan penjawat awam adalah untuk berkhidmat dengan penuh amanah dan keikhlasan bagi membebaskan rakyat dari segala bentuk penindasan dan belenggu, sekali gus mengangkat martabat pentadbiran negara ke tahap yang lebih tinggi dan terpuji.

Dalam konteks yang lebih khusus, Anwar mengajak keseluruhan pasukan penjawat awam untuk menerapkan budaya kerja yang baharu sebagai menyemangati maksud memulih serta menambah baik kecekapan tahap perkhidmatan kepada rakyat.

Kenyataan ini jelas merujuk kepada harapan terhadap komitmen dan kerjasama seluruh warga perkhidmatan awam dalam mengemblem tenaga menjayakan segala inisiatif yang diumumkan melalui Belanjawan 2025 dengan penuh dedikasi, integriti dan efisien.

Pastinya bukan mudah untuk merealisasikan hasrat besar kerajaan untuk menjaga dan melindungi lebih 85 peratus rakyat melalui peruntukan RM421 bilion iaitu belanjawan terbesar dalam sejarah.

Ia memerlukan kerjasama dan komitmen tidak berbelah bagi seluruh jentera pentadbiran kerajaan bagi memastikan semua golongan sasaran mendapat manfaat yang disediakan.

Hakikatnya, sebagai tulang belakang kerajaan, pelaksana dasar yang diperkenalkan serta penyampai perkhidmatan kepada rakyat, kelompok penjawat awam mempunyai peranan yang besar dalam menjayakan pakej belanjawan ini yang meletakkan harapan untuk mempertahankan pertumbuhan ekonomi dan mensejahterakan kehidupan rakyat.

Aspek integriti, amanah, cekap dan efisien yang disulami dengan kesedaran perlu dilaksanakan dengan



PENJAWAT awam mempunyai peranan yang besar dalam menjayakan pakej belanjawan ini yang meletakkan harapan untuk mempertahankan pertumbuhan ekonomi dan mensejahterakan kehidupan rakyat.

segera atau tepat pada masanya wajar menjadi pegangan dan amalan penjawat awam.

Belanjawan 2025 menyaksikan peningkatan tertinggi bagi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) apabila RM13 bilion diperuntukkan kerajaan untuk tahun depan berbanding hanya RM10 bilion sebelum ini.

Peningkatan yang diumumkan ini akan terus memberi manfaat kepada sembilan juta penerima atau bersamaan 60 peratus penduduk dewasa negara.

Bantuan SARA diumumkan akan dikreditkan ke dalam MyKad penerima bermula April depan bagi membolehkan rakyat menggunakannya untuk tujuan perbelanjaan seperti membeli barangan asas mencakupi makanan dan minuman, ubat-ubatan, barang persekolahan serta kebersihan diri di lebih 600 pasar raya dan kedai runcit seluruh negara.

Maka dalam konteks ini harapan para penerima bantuan ini ialah, penjawat awam yang terlibat dalam proses agihan bantuan ini melaksanakan tugas dengan cekap dan amanah tanpa sebarang ketirisan selain memastikan ia dapat

diagihkan tepat pada masanya seperti dijanjikan.

Misalnya, sebanyak RM2 bilion diperuntukkan untuk projek naik taraf dan penyelenggaraan sekolah seluruh negara, RM1 bilion dikhaskan untuk menyelenggara semua jenis sekolah, terutamanya keadaan bilik darjah yang uzur, termasuk Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil, sekolah agama, sekolah dalam kem tentera dan sekolah pendidikan khas, selain RM1 bilion lagi dikhaskan untuk menaik taraf prasarana daif di 543 buah sekolah, terutamanya di Sabah dan Sarawak, manakala 44 sekolah baharu akan mula dibina.

Maka harapan kita ialah agar penjawat awam yang akan melaksanakan projek ini perlu berpegang teguh kepada prinsip tadbir urus dan tata kelola yang baik sekali gus memastikan semua kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf dapat dilaksanakan dengan cekap serta efektif terutamanya dari segi kos tanpa sebarang ketirisan.

Manakala projek baharu perlu siap dibina berpelembagaan dengan kualiti dan standard pulangan yang setimpal dengan peruntukan yang dibelanjakan.

Tuntasnya, pegawai yang

akan menguruskan perolehan dan semua projek yang terlibat ini perlu berpegang teguh kepada prinsip integriti yang tinggi.

Pada masa sama, pelbagai bantuan lain yang hendak disalurkan juga perlu kalis kerehah birokrasi yang boleh menyusahkan rakyat mahupun kelompok peniaga serta pelabur.

Sewajarnya fokus kepada penyediaan perkhidmatan berkesan pengidigitalan dan permudahkan semua proses penyampaian perkhidmatan agar dapat meningkatkan darjat hidup rakyat serta melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Juurnya kita mahu penjawat awam ambil iktibar dengan penemuan dan teguran Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang saban tahun menjumpai pelbagai ketirisan dan salah laku, lantas pastikan pisang tidak berbuah dua kali. Kita mahu kerajaan mewujudkan satu mekanisme yang terbaik melibatkan agensi penguatkuasaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Audit Negara selain badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat sivil bagi memantau dan menyelaras pelaksanaan Belanjawan 2025 agar benar-benar berkesan, telus, sampai kepada

kumpulan sasaran tanpa sebarang ketirisan.

Pada masa sama, penjawat awam juga perlu memainkan peranan signifikan dalam membantu meningkatkan pendapatan negara supaya cukup peruntukan bagi menjayakan belanjawan kali ini.

Misalnya, kutipan cukai pendapatan yang menjadi sumber pendapatan utama kerajaan perlu dilaksanakan dengan cekap dan efisien.

Kita memerlukan pegawai yang tangkas supaya dapat cari dan mengambil tindakan terhadap individu mahupun syarikat korporat yang culas, tipu dan elak untuk membayar cukai.

Kerajaan telah mengumumkan pelbagai insentif menarik untuk menjaga kebajikan penjawat awam seperti Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang menyediakan durian runtuh dalam bentuk pelarasan gaji secara berperingkat dan terkini dalam Belanjawan 2025 kerajaan turut mengumumkan Bantuan Khas Kewangan berjumlah RM500 kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak.

Maka, inilah masa terbaik untuk seluruh penjawat awam membalas pengiktirafan kerajaan tersebut dengan membantu merealisasikan Belanjawan 2025.

Sesungguhnya merancang itu lebih mudah dari melaksanakannya dan kini tanggungjawab berat menanti setiap penjawat awam, kementerian, agensi dan jabatan dalam merealisasikan Belanjawan 2025.

Kejayaan Belanjawan 2025 ini banyak dipengaruhi kemampuan dan kecekapan penjawat awam yang selama ini telah pun memberikan perkhidmatan yang terbaik dan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan perpaduan.

Justeru, besarlah harapan seluruh anggota masyarakat agar penjawat awam akan meneruskan kecemerlangan perkhidmatan dengan penuh keinsafan bagi meringankan beban kehidupan rakyat.

NOOR Mohamad Shakil Hameed ialah Timbalan Pendaftar di Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia.

Jadikan bahasa Melayu sebagai identiti warganegara Malaysia

um
2/10



M. JAYAKUMARY

MUNGKIN ramai yang tidak tahu Bulan Bahasa Kebangsaan disambut pada bulan Oktober setiap tahun. Usaha memartabatkan bahasa Melayu telah diperkenalkan sejak 1960-an lagi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan berterusan hingga kini. Pelbagai kempen dan program dijalankan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu, di samping meraikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Atas dasar ini jugalah, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turun padang-mengingatkan kita kembali tentang kedudukan dan kepentingan bahasa Melayu.

Ketika berucap sewaktu pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2024 baru-baru ini, beliau menekankan pentingnya penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dalam pentas yang sama, beliau meluahkan rasa kesedihan terhadap penguasaan bahasa Melayu yang rendah, meskipun usia kemerdekaan negara sudah mencecah 67 tahun.

Walaupun kenyataan ini sukar diterima, namun itulah hakikatnya. Sehingga kini, ada beberapa agensi kerajaan yang terus menghadapi masalah segelintir orang awam yang tidak dapat berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Setakat menyusun perkataan-perkataan yang mudah pun agak mencabar bagi mereka. Apatah lagi, memahami arahan dan penerangan yang disampaikan kepada mereka. Ketiadaan komunikasi dua hala yang efektif menyebabkan banyak urusan tergendala dan merugikan semua pihak. Bagi menghitung bulu kambing jadinya.

Pihak mahkamah sebagai contohnya terpaksa menggunakan khidmat jurubahasa untuk menterjemahkan kes-kes dan keterangan sewaktu perbicaraan.

Dalam Persidangan Dewan Rakyat pada bulan Julai yang lalu, masalah kekurangan jurubahasa



CUBA lihat bahasa Melayu sebagai bahasa bangsa Malaysia dan bukannya bahasa kaum tertentu.

mahkamah menjadi isu yang diperdebatkan. Banyak kes mahkamah dikatakan tertangguh untuk tempoh masa yang panjang akibat kekurangan jurubahasa.

Andai kata masih tidak mampu berbahasa Melayu, meskipun dilahirkan dan dibesarkan di negara ini. Andai kata masih sukar untuk mengerti dan memahami bahasa Melayu, walaupun selepas melalui proses pendidikan yang mewajibkan pembelajaran bahasa Melayu. Maka, itu petandanya jati diri rakyat Malaysia begitu nipis. Senipis kulit bawang.

Dalam mana-mana masyarakat ataupun negara, jati diri memainkan peranan untuk membentuk kesetiaan dan kesepaduan antara anggota masyarakat. Jati diri adalah sifat atau ciri unik yang menjadi lambang keperibadian seseorang individu ataupun bangsa. Jati diri boleh dijemakan dalam bentuk adat, bahasa, budaya, agama atau sebagainya.

Dalam konteks negara

ini, antara identiti negara yang boleh melahirkan jati diri bangsa Malaysia ialah bahasa Melayu. Lagipun, kita sudah maklum tentang pentingnya kedudukan bahasa kebangsaan kita. Bahasa Melayu adalah salah satu daripada empat unsur tradisi yang mencorakkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, selain daripada institusi beraja, kedudukan istimewa orang Melayu dan agama Islam. Di bawah Perkara 152 (1), termaktub bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu. Selepas pembentukan Malaysia, kedudukan bahasa Melayu terus terjamin dan terpelihara.

Malangnya, sebahagian daripada kita melihat bahasa Melayu hanya berperanan sebagai alat perpaduan. Semata-mata untuk menyatukan masyarakat yang rancam dengan kepelbagaian kaum dengan bahasa masing-masing. Persepsi yang wujud inilah yang harus diubah. Cuba lihat bahasa Melayu sebagai bahasa bangsa

Malaysia dan bukannya bahasa kaum tertentu. Jika sikap ini diubah, nescaya akan lahir rasa kebertanggungjawaban untuk mempelajari dan berkomunikasi dalam bahasa Melayu.

Jika pada satu sisi, ada golongan yang tidak menerima sepenuhnya bahasa Melayu sebagai bahasa sendiri. Di satu sisi yang lain pula, ada pula golongan yang memperlekehkan bahasa Melayu. Mereka menganggap bahasa Melayu bahasa yang bukan *standard*. Perkara ini turut disentuh oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam majlis yang sama. Beliau menegur ketaasuban segelintir golongan elit terhadap bahasa Inggeris.

Bukankah ia tanggungjawab kita sebagai rakyat untuk menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa komunikasi utama? Apakah kurangnya nilai bahasa kebangsaan kita sehingga dibanding-banding dengan bahasa lain? Janganlah kita terlalu mengagung-

agung bahasa lain, walaupun penggunaan bahasa lain itu lebih meluas berbanding bahasa kita. Jika kita sendiri meminggirkan bahasa kebangsaan kita, siapakah lagi yang memartabatkannya? Kita beringat-ingatlah. Hujan keris lembing di negeri kita, hujan emas perak di negeri orang; baik juga di negeri kita.

Walaupun bahasa kita bukan bahasa komunikasi utama di dunia, tapi bahasa Melayulah ini bahasa kebangsaan kita.

Pendek kata, dalam membentuk warganegara yang bersemangat patriotik dan cintakan akan negara, nilai jati diri perlu disemai dalam diri kita terlebih dahulu.

Jati diri yang tinggi dapat dipupuk dan disuburkan melalui penggunaan bahasa Melayu, bahasa kebangsaan kita.

DR. M Jayakumary ialah pensyarah di Jabatan Sains Sosial, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Perak.

INOVASI, AI BERI PERUBAHAN DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

UM 21/10

UTUSAN: Bagaimana pembinaan digital dan teknologi pintar ini dapat mengubah industri pembinaan di Malaysia?

ZAID: Industri pembinaan telah mengalami transformasi besar dengan penggantian amalan tradisional kepada pembinaan digital, inovasi dan teknologi pintar. Gabungan peralatan digital dan inovasi ini telah menggantikan amalan tradisional yang menjadi asas kepada pelaksanaan dan pengendalian projek pembinaan. Peminan digital dan teknologi pintar kini memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecekapan, ketepatan dan kerjasama dalam setiap aspek operasi yang dijalankan.

Penggunaan automasi dan AI telah meningkatkan ketepatan dan kualiti dalam industri pembinaan di Malaysia. Automasi membolehkan pelaksanaan tugas-tugas rutin dengan lebih pantas dan tepat, mengurangkan kesilapan manusia dan mempercepatkan proses pembinaan. Sementara itu, AI membantu dalam analisis data yang kompleks, ramalan hasil projek, dan mengoptimalkan sumber yang digunakan.

Selain itu, pengenalan kepada teknologi hijau dan reka bentuk yang lebih efisien dapat mencapai industri pembinaan yang lebih lestari. Teknologi hijau membawa peranan penting dalam mengurangkan jejak karbon dan mempromosikan amalan pembinaan yang lestari. Bahan binaan mesra alam, sistem tenaga lestari dan pengurusan sisa yang berkesan membantu mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar. Reka bentuk yang lebih efisien pula memastikan penggunaan sumber yang minimum tanpa menjejaskan kualiti dan fungsi bangunan serta mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (GHR).

Apakah cabaran terbesar dalam penyesuaian teknologi baharu ini dalam industri pembinaan?

Cabaran terbesar dalam menyesuaikan teknologi dalam industri pembinaan termasuk kos permulaan yang tinggi yang memerlukan pelaburan besar dalam perisian, peralatan dan latihan kakitangan menjadi halangan bagi syarikat kecil dan sederhana. Kekurangan kemahiran dan pengetahuan dalam tenaga kerja memerlukan pelaburan dalam latihan dan pembangunan kemahiran.

Selain itu, budaya dan mentaliti juga memainkan peranan

MUKADIMAH

INDUSTRI pembinaan sedang menyaksikan revolusi besar dengan kehadiran inovasi dan teknologi pintar yang mampu mengubah landskap sektor ini secara menyeluruh. Dari penggunaan dron untuk pemetaan hingga aplikasi kecerdasan buatan (AI) dalam pengurusan projek, teknologi moden ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan tetapi juga memastikan keselamatan dan kelestarian dalam setiap peringkat pembinaan.

Baru-baru ini, Wartawan *Utusan Malaysia*, Hendra Winarno berpeluang menemui Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), **DATUK SR. MOHD. ZAID ZAKARIA** mengenai topik ini.



dalam menerima teknologi baharu, di mana pekerja yang sudah lama dalam industri mungkin menolak idea untuk beralih daripada kaedah tradisional kepada teknologi digital.

Isu keselamatan data dan privasi semakin kritikal dengan peningkatan penggunaan teknologi digital. Syarikat perlu memastikan data dilindungi daripada ancaman siber dan keserasian dengan sistem sedia ada yang mungkin masih menggunakan teknologi lama memerlukan integrasi data yang rumit. Infrastruktur sokongan seperti internet berkelajuan tinggi mungkin tidak tersedia di semua lokasi pembinaan, terutama di kawasan luar bandar.

Apakah teknologi pintar dan inovasi yang bakal dipamerkan di Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) dan Pameran Industri Bangunan dan Pembinaan Antarabangsa Malaysia (BuildXpo) bermula esok hingga 24 Oktober ini?

Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) dan Pameran Industri Bangunan dan Pembinaan Antarabangsa Malaysia (BuildXpo) akan berlangsung esok hingga 24 Oktober ini di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC).

ICW dan BuildXpo merupakan platform untuk pemain industri pembinaan di Malaysia

dan serantau mempamerkan, mempelajari dan menerokai peralatan terkini serta teknologi dan pembangunan berkaitan dengan industri pembinaan. ICW dan BuildXpo juga adalah satu acara untuk meraikan dan mempromosi keupayaan industri pembinaan serta menyediakan platform bagi penggiat industri untuk berhubung dan berkongsi pengalaman.

Bertemakan 'Envisioning the Future of Construction', acara ini bakal menampilkan pelbagai teknologi pintar dan inovasi penting bagi memperlihatkan perkembangan terkini dalam industri pembinaan.

BuildXpo juga akan memanfaatkan teknologi AI untuk memudahkan sesi padanan perniagaan atau Program Penyumberan Antarabangsa (INSP) anjuran dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade). Sesi INSP BuildXpo ini juga dapat disertai secara fizikal, mahupun maya menerusi aplikasi BuildXpo di telefon pintar.

Apakah faktor utama yang menyumbang kepada sasaran nilai dagangan lebih RM1 bilion untuk ICW dan BuildXpo 2024?

Pada tahun lalu, BuildXpo sebagai salah satu komponen ICW telah meraih hampir RM500 juta potensi jualan secara kolektif, dengan RM376.5 juta dicatat menerusi lawatan perdagangan

laysia. Sasaran ini memberikan peluang yang lebih besar kepada perniagaan pembinaan untuk mempamerkan keupayaan mereka di arena antarabangsa, berdasarkan keadaan semasa industri pembinaan negara dan keyakinan terhadap industri ini.

Kita menjangkakan pengajuran ICW dan BuildXpo pada tahun ini bakal menerima 15,000 pengunjung daripada 200 syarikat antarabangsa dan tempatan yang terlibat dalam teknologi pembinaan, mesin, sistem perkhidmatan pembinaan serta bahan dan peralatan pembinaan. Pertumbuhan sebanyak 35 peratus dalam jumlah pamer, peserta persidangan dan pelawat pameran berbanding tahun lalu mencerminkan keyakinan industri pembinaan terhadap acara ini sebagai destinasi penting untuk berhubung, berkongsi pengetahuan dan menjalinkan perniagaan.

Apakah prospek yang dijangka bagi industri pembinaan dalam tahun ini dan tahun yang akan datang dan faktor dorongan pertumbuhan industri pembinaan?

Sektor pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh pada 2024, dirangsang terutamanya oleh peningkatan berterusan dalam aktiviti pembinaan. Berdasarkan laporan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM) pada Mei 2024, nilai kerja dalam sektor pembinaan melonjak sebanyak 14.2 peratus tahun ke tahun (y-o-y), berjumlah RM36.8 bilion pada suku pertama 2024 (S1 2024).

Perkembangan ini dipicu oleh pelbagai subsektor termasuk kejuteraan awam, bangunan bukan kediaman, pertukangan khas dan bangunan serta lain-lain yang membantu meningkatkan prestasi industri pembinaan ini.

Selain itu, dorongan terhadap terhadap pembinaan digital dan teknologi pintar yang meningkatkan produktiviti dan keberkesanan dijangka akan terus mengubah landskap industri pembinaan. Penggunaan teknologi seperti dron dan robotik memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti dan kecekapan projek pembinaan.

Permintaan yang meningkat bagi infrastruktur moden dan perumahan turut menjadi pendorong pertumbuhan dalam sektor ini, dengan keperluan pembangunan yang seiring dengan kemajuan ekonomi dan keperluan sosial.

"UNTUK TAHUN INI, KAMI MENETAPKAN SASARAN YANG LEBIH TINGGI IAITU SEBANYAK RM1 BILION MENERUSI PENGLIBATAN PASARAN ANTARABANGSA SEPERTI CHINA, SEPANYOL, INDONESIA, SINGAPURA, AUSTRALIA, BANGLADESH, VIETNAM, JAPAN, CAMBODIA DAN JUGA MALAYSIA."

dan RM117.8 juta melalui sesi padanan perniagaan iaitu INSP, dengan penyertaan daripada 19 syarikat antarabangsa dari tujuh negara.

Untuk tahun ini, kami menetapkan sasaran yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM1 bilion menerusi penglibatan pasaran antarabangsa seperti China, Sepanyol, Indonesia, Singapura, Australia, Bangladesh, Vietnam, Japan, Cambodia dan juga Ma-

2025 Budget

7/10
Net

More gain than pain for economy and the people

MALAYSIA's budgets have always been about the economy and people. Who gets to cheer more varies with each budget. The 2025 Budget, too, is a story about a cheer here and a cheer there. But first a word or two about its spend-and-earn story. For the first time ever, our national expenditure speeds past RM400 billion to RM421 billion. And for the longest time, government revenue has been playing catch-up, with the 2025 Budget registering RM339.7 billion in earnings. Will this "low" do for Malaysia, racing as it does to be a high-income nation by 2030? A good question.

For a nation with a debt of more than RM1 trillion, budget watchers had expected more pain. One economist, Datuk Dr John Anthony Xavier, on a search for some pains in the 2025 Budget, seems to have found little evidence of such. The Goods and Services Tax (GST) could have been one, but it was given a miss for an expansion of the Sales and Services Tax (SST), a small revenue earner for the government. GST is, based on history, a big revenue booster for Putrajaya. When it was introduced in April 2015, it added RM37.7 billion to the government coffers for the year, as reported by Bernama. Then it was an up-and-away story — topping at RM60 billion — until SST took its place in September 2018, making the public purse forgo an estimated RM30 billion a year. The

For a nation with a debt of more than RM1 trillion, budget watchers had expected more pain.

expansion of SST will add a bit more, but it is still no match for GST. The SST has one thing going for it, though. It is less of a political hot potato.

The removal of the RON95 petrol subsidy would certainly be a pain for some, but Putrajaya promises to catch only the top 15 per cent earners and foreigners. In other words, not a removal but a targeted subsidy. And that, too, is set for mid next year. Perhaps the postponed pain is to make

sure that only the T15 are affected, though the definition of who they are is up for debate. If this goes according to plans, then it would not only save Putrajaya RM8 billion, but also spare those whose household income is just enough to make ends meet. Inflation may be two per cent now, but it sure feels a lot more. The government may have mulled inheritance tax, judging by the hot debate in the media days before Oct 18. Even a few lawmakers joined the fray to oppose it. Be that as it may, the 2025 Budget did without it. To Xavier, this is a wise decision, but he would have preferred the 2025 Budget to implement a wealth tax, a bigger revenue earner. One reason why the 2025 Budget didn't include it — speculation, though, this is — is because Putrajaya is engaged in efforts to get the wealthy to bring home their wealth to spur economic growth.

Finally, a word about labour, the much-ignored factor of production. With capital, labour is, as always, the tail chasing the dog. But Oct 18 had good news for workers. The minimum wage is up by RM200, with the budget promising to put more money in Malaysians' pockets. Overall, the 2025 Budget is a story of more gain than pain.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh:21 OCT 2024.....

Flood evacuees drop overall across 5 states

KUALA LUMPUR: The total number of people placed at 15 temporary relief centres across Selangor, Kedah, Perlis, Pahang and Perak stood at 1,480 yesterday compared with 2,570 on Saturday night.

The Social Welfare Department Disaster Info portal reported that as of 9am yesterday, the number of flood evacuees in Pahang dropped from 363 to 187 and all were sheltered at one centre in Temerloh.

In Perak, 553 evacuees were housed at eight relief centres compared with 1,506 on Saturday.

In Kedah, there were 109 evacuees at one relief centre yesterday compared with 80 on Saturday.

The number of evacuees in Selangor increased from 152 on Saturday to 160, who were sheltered at three relief centres yesterday.

Perlis recorded a slight increase from 469 to 471 evacuees, who were placed at two relief centres. — Bernama

THE SUN
21 OCT 2024

Tarikh:

Budget 2025 highlights at a glance

21/10/2024

- Additional 50% tax deduction on cost expenses involving capacity development and software procurement incurred by employers in implementing flexible work arrangements, and 50% tax deduction for additional care paid by the employer up to 12 months for employees who are caring for their sick children, family members or the disabled.
- Government urges 39 companies listed under the top 100 in Bursa Malaysia to ensure 30% female board representation by the end of 2027.
- Civil servants, especially retirees aged above 65, who are undergoing treatment at the National Heart Institute, can continue with their treatment.
- Tax relief of up to RM7,000 for homes costing up to RM500,000, and RM5,000 tax relief for homes costing between RM500,000 and RM750,000. The exemption can be claimed for three consecutive assessment years and applies to sale and purchase agreements completed between Jan 1, 2025 and Dec 31, 2027.
- Combined quantum for *Rahmah* Cash Aid and *Rahmah* Necessities Aid will increase to RM4,700 next year.
- Poor senior citizens will receive up to RM10,000 instead of RM8,000.
- 4.1 million households will receive *Rahmah* Necessities Aid of RM100 per month starting April 2025.
- Single individuals will receive RM600 in *Sumbangan Tunai Rahmah*.
- Excise duties on sugary drinks will go up gradually, starting with a 40 sen increase on Jan 1, with additional revenue to be used to fund public health, including diabetes, treatment centres.
- EPF to look into methods to transfer savings between next-of-kin.
- All migrant workers are required to become EPF contributors.
- Tax relief on premiums for private retirement schemes extended to 2030.
- RM4 billion will be allocated for scholarships with government-linked investment companies and government-linked companies committed to ensuring 50% of scholarships are given to lower and middle-income families.
- Tax relief for parents contributing to the National Education Savings Scheme extended for another three years.
- RM635 million allocation for maintenance, repairs at public universities and expanding internet access.
- RM2 billion allocated for upgrades and maintenance of schools nationwide – RM1 billion for maintenance involving all types of schools and RM1 billion to upgrade poor infrastructure in 543 schools, mainly in Sabah and Sarawak.
- Tax exemption on overseas-generated income that has already been subjected to income tax from the source country to be extended until Dec 31, 2036.
- Individual income tax exemption for medical expenses up to RM10,000, which covers a portion of medical payments made under insurance, medical and health *takaful* products under a co-payment scheme.
- Income tax exemption for individuals on premium payments for education insurance and medical insurance increased up to RM4,000.
- RM130 million to the Indian community to preserve human capital, and social and community welfare by implementing various programmes, including business financing.
- Minimum wage set at RM1,700 from RM1,500 previously, to take effect from Feb 1, 2025.
- Investment tax allowance at 60% for the next five years for logistic companies to ensure capacity increase through adaptation of IR4.0 technology.
- KWAP to provide RM1 billion to support local start-up companies, with RM200 million allocated specifically for 2025.
- KWAP, via its RM6 billion stimulus fund, will strengthen local private market, including private equity, infrastructure and real estate.
- RM250 million allocation to repair slopes nationwide – RM21 million to prevent sinkhole issues in Kerian Laut, Perak, Kedah and Perlis, RM10 million to carry out structural geotechnical studies and soil layers throughout the main streets within the Kuala Lumpur Golden Triangle.
- RM20 million for the National Scam Response Centre to increase effectiveness.
- RM20 million for bipartisan All-Party Parliamentary Group Malaysia Sustainable Development Goals, as well as funds to empower the Public Accounts Committee to check and balance the government.
- Parliament will receive a budget of RM180 million in 2025, up from RM166 million last year.
- The Malaysian Anti-Corruption Commission to receive RM360 million in allocation for 2025 compared with RM338 million this year.
- From 2025, the government plans to double the special grant rate for Sabah and Sarawak to RM600 million.
- Sales and Services Tax to be progressively expanded beginning May next year.
- Dividend tax on individuals for dividends exceeding RM100,000 to begin for the 2025 tax assessment year.
- Targeted subsidies for those using RON95 petrol by the second quarter of 2025.

THE SUN

Tarikh: 21 OCT 2024

Budget 2025 catered for the people

THE government's Budget 2025 puts the needs of the people at the heart of its agenda. With an allocation of over RM420 billion, this comprehensive budget addresses the challenges faced by everyday Malaysians - focusing on reducing income inequality, ensuring affordable healthcare, improving access to quality education and providing support for homeownership.

The budget also emphasises the empowerment of women, as well as efforts to enhance economic stability through targeted subsidies and fiscal discipline.

Following are some core targets that directly uplift the people while strengthening Malaysia's broader economic framework.

Raising the minimum wage: Addressing living standards while supporting productivity growth

A pivotal feature of Budget 2025 is the increase in the minimum wage to RM1,700 per month, effective February 1, 2025.

This measure is an immediate response to cost-of-living pressures and a strategic move towards boosting aggregate demand.

By enhancing the purchasing power of low-wage earners, the government is effectively stimulating consumption, which accounts for a significant portion of Malaysia's GDP.

From a macroeconomic standpoint, higher wages contribute to increased productivity by incentivising workers and reducing turnover rates.

Additionally, to balance the needs of small businesses, which form the backbone of the Malaysian economy, a six-month deferred implementation period has been introduced for employers with fewer than five employees.

This provides much-needed flexibility for businesses while ensuring that workers benefit from wage improvements.

While the wage increase will provide immediate relief to low-income households, its long-term effects will include a stronger domestic market, improved consumer confidence and a reduction in wage inequality.

Healthcare: Enhancing human capital through affordable, accessible services

With RM43 billion allocated to healthcare, Budget 2025 demonstrates a clear commitment to strengthening human capital by improving healthcare outcomes.

As Malaysia's economy continues to modernise, the link between health and productivity becomes ever more critical.

Expanded tax reliefs for medical expenses, including self-testing kits and essential medical devices like blood pressure monitors, represent a proactive strategy to reduce long-term healthcare costs and ensure early detection of illnesses.

In addition, the increase in tax relief for families caring for children with learning disabilities - from RM4,000 to RM6,000 - is an inclusive measure that recognises the additional financial burdens borne by such households.

The allocation of RM1.2 billion for critical illness treatments, including cancer and heart disease, further emphasises the government's recognition of healthcare as a key pillar of national well-being.

From an economist's perspective, investing in healthcare directly influences workforce productivity and economic resilience.

A healthier workforce is more efficient, with fewer days lost to illness, leading to greater economic output.

Furthermore, improved public health reduces future public spending on healthcare, creating a more fiscally sustainable system.

Empowering women: Unlocking untapped economic potential

A significant focus of Budget 2025 is on women's empowerment, with RM650 million allocated to support women entrepreneurs.

Encouraging female participation in the economy is essential for long-term growth, as women make up nearly half of Malaysia's population but remain underrepresented in the workforce.

Studies consistently show that increased female labour force participation leads to higher household incomes and improved economic outcomes.

Moreover, companies that hire

"Investor confidence is highly correlated with fiscal discipline and by maintaining a clear focus on debt reduction, the government is sending a strong signal to the international investment community."

women returning to the workforce after career breaks will benefit from tax incentives, reducing the economic barriers women face when re-entering the job market.

This initiative not only addresses gender inequality but also creates a more dynamic labour market, tapping into the underutilised potential of women.

By improving access to capital and creating incentives for businesses to hire women, the government is laying the foundation for a more inclusive and equitable economy.

In the long term, this will lead to a more resilient and diversified labour force, driving innovation and productivity.

Education: Building the foundations of a knowledge-based economy

Budget 2025 allocates RM82.1 billion to education and higher education ministries, recognising that investment in human capital is essential for long-term economic growth.

By extending income tax relief on nursery and kindergarten fees for an additional three years, the government is supporting working parents while promoting early childhood education, which has been shown to improve cognitive development and social outcomes.

The investment in technical and vocational education and training (TVET) - RM6.8 billion allocated - is equally strategic.

As Malaysia transitions to a knowledge-based economy, there is a growing need for a workforce equipped with the technical skills required by industries such as digital technology, engineering and automation.

This allocation will prepare more than 200,000 students annually, addressing skill gaps and ensuring that Malaysia remains competitive in an increasingly digital global economy.

From an economic perspective, these education reforms will enhance labour productivity, improve employment prospects for youth, and ensure Malaysia's ability to adapt to the evolving demands of global markets.

By investing in human capital now, the government is safeguarding the future of Malaysia's workforce, ensuring that it can drive innovation and support sustainable economic growth.

Housing: Expanding access to homeownership and wealth creation

Housing remains a key component of financial stability and wealth creation for Malaysians.

Recognising this, Budget 2025 reintroduces income tax relief on housing loan interest payments, providing up to RM7,000 per year for homes priced below RM500,000.

This initiative, coupled with up to RM5,000 in relief for homes between RM500,000 and RM750,000, is designed to make homeownership more affordable for first-time buyers.

For many Malaysians, particularly younger households, the high cost of housing represents a significant barrier to financial security.

By making homeownership more attainable, the government is facilitating long-term wealth accumulation and reducing household vulnerability to economic shocks.

Furthermore, the government continues to support affordable housing through programs such as Residensi Wilayah and PRIMA, with an additional RM1.5 billion allocated for home loan guarantees.

These initiatives target lower-income households, ensuring that affordable housing options remain accessible, thus promoting greater financial inclusion and economic security.

Targeted fuel subsidy rationalization: Balancing equity and efficiency

The rationalisation of fuel subsidies represents a significant shift towards more efficient public spending.

By removing subsidies for the wealthiest 15% of earners and non-citizens, Budget 2025 ensures that government support is directed towards those who need it most.

This targeted approach not only reduces fiscal leakage but also promotes equity by ensuring that subsidies benefit lower- and middle-income Malaysians.

In economic terms, this rationalisation improves the government's ability to allocate resources more effectively, freeing up funds for other critical sectors such as healthcare, education, and infrastructure.

At the same time, it addresses distortions in energy pricing that can hinder long-term sustainability.

Expanding support for low-income families

The government is also increasing support for low-income households through cash assistance programmes such as Sumbangan Tunai Rahmah and Sumbangan Asas Rahmah, with an allocation of RM13 billion.

These programmes will provide direct financial assistance of up to RM4,600 per family, helping 4.1 million households manage rising costs and economic uncertainty.

From a Keynesian perspective, direct cash transfers serve as a powerful tool for stimulating demand in the economy, particularly during times of economic slowdown.

By increasing disposable income for low-income households, the government is bolstering consumption, which remains a critical driver of Malaysia's GDP.

Fiscal responsibility and debt reduction: Ensuring long-term stability

Budget 2025's commitment to reducing the fiscal deficit to 3.8% of GDP reflects the government's long-term strategy to enhance fiscal sustainability.

By controlling the fiscal deficit and managing public debt, Malaysia is positioning itself to maintain macroeconomic stability, which is crucial for attracting foreign direct investment.

Investor confidence is highly correlated with fiscal discipline and by maintaining a clear focus on debt reduction, the government is sending a strong signal to the international investment community.

This fiscal responsibility will help reduce borrowing costs, allowing Malaysia to channel more resources into productive investments that drive economic growth.

Comments: letters@thesundaily.com



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim presenting Budget 2025 on Friday.
- BERNAMAPIC